

14/05/1997

Pemangku KM Melaka mungkin dilantik

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan, seorang pemangku mungkin dilantik mentadbir Kerajaan Melaka jika Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang dirawat di Hospital Tawakal kerana serangan angin ahmar, terus uzur.

Menurut Perdana Menteri, walaupun terlalu awal untuk mencari pengganti Mohd Zin, beliau akan mempertimbangkan mencari pemangkunya.

"Terlalu awal untuk kita lantik (Ketua Menteri baru) tapi akan dipertimbangkan kalau nampak dia susah nak balik kerja dengan cepat, kita terpaksa cari pengganti atau pemangku," katanya kepada pemberita di ruang legar Parlimen hari ini.

Zin dimasukkan ke hospital itu selepas diserang angin ahmar pada otak kiri di kediamannya di Klang Gate di sini pada 4.30 pagi kelmarin.

Dr Mahathir yang melawat Mohd Zin kali kedua malam tadi berkata, beliau difahamkan Mohd Zin masih tidak sedarkan diri sehingga tengah hari tadi. Kali pertama Perdana Menteri menziarahi Mohd Zin ialah malam Ahad lalu.

"Saya pergi melawat dan saya dapati dia betul uzurlah, dia tak sedar," katanya.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang melawat Mohd Zin hari ini berkata, keadaan Ketua Menteri Melaka itu lebih baik berbanding semalam.

"Keadaan beliau semakin stabil dan lebih baik daripada semalam," katanya kepada pemberita selepas menziarahi Mohd Zin.

(END)